

## 1. MAKLUMAT KURSUS

<b>Nama</b>	Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 1
<b>Tempat</b>	Akademi Pembangunan Belia Malaysia, Batu Gajah, Perak
<b>Tarikh</b>	28 April 2025 hingga 1 Mei 2025
<b>Penganjur</b>	Persatuan Memanah Negeri Perak
<b>Yuran</b>	RM 450.00
<b>Tarikh Tutup</b>	24 April 2025

## 2. SYARAT UTAMA BAGI PESERTA

- 2.1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.
- 2.2. Mempunyai pengalaman dalam bidang kejurulatihan sukan memanah selama 3 tahun.
- 2.3. Pemohon mestilah sudah menghadiri **Kursus Asas Kejurulatihan Memanah**.
- 2.4. Jawatankuasa Kejurulatihan NAAM mempunyai hak untuk memilih calon yang berkelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.

## 3. PENDAFTARAN & PEMBAYARAN

- 3.1. Pendaftaran hendaklah dilakukan melalui sistem MAREOS di <https://mareos.masarchery.org/>
- 3.2. Peserta boleh melakukan proses pembayaran dengan 2 kaedah iaitu
  - 3.2.1. Pembayaran melalui MAREOS amat digalakkan
  - 3.2.2. Pembayaran tunai pada hari pertama kursus
- 3.3. Sila maklumkan terlebih dahulu kepada pihak penganjur sekiranya ingin membuat pembayaran tunai pada hari pertama kursus.
- 3.4. Bagi kes ketidakhadiran / pembatalan pendaftaran, sebarang urusan pembayaran semula (*refund*) hanya akan diuruskan **selepas** tarikh kursus ini tamat.

#### 4. MAKLUMAT LAIN YANG PERLU DIKETAHUI

- 4.1. Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri KECUALI dimaklumkan oleh pihak penganjur.
- 4.2. Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak NAAM atau penganjur TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB di atas kehilangan atau kemalangan yang berlaku.
- 4.3. Semua peserta kursus haruslah berpakaian SUKAN dan KEMAS dan **WAJIB** berkasut sukan.
- 4.4. Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlungan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah TIDAK DIBENARKAN.
- 4.5. Semua peserta DIWAJIBKAN untuk membawa peralatan memanah sendiri.
- 4.6. Kedatangan untuk kesemua sesi adalah wajib dan memberi impak besar terhadap markah lulus peserta.
- 4.7. Keputusan Kursus akan dipaparkan di dalam MAREOS dalam masa 1 bulan selepas tarikh akhir kursus ini.
- 4.8. Sijil kursus akan dikeluarkan oleh pihak NAAM.

#### 5. TERMA PENAFIAN

- 5.1. Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir yang dibenarkan untuk merakam dan/atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM).
- 5.2. Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan/atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM.
- 5.3. Peserta dan/atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta meninggalkan premis tersebut.

## 6. PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI

- 6.1. En Faizilnizam      019-5224470  
6.2. En Yuraimy          012-4511207

## 7. MAKLUMAT PENGINAPAN & MAKAN MINUM

7.1. Peserta boleh menginap di tempat kursus ini dengan **bayaran tambahan** seperti berikut:

Bilik 2 orang (Berhawa dingin)	**RM 60 / bilik / malam
Bilik 4 orang (Berhawa dingin)	**RM 100 / bilik / malam

7.2. Sila hubungi pihak penganjur sekiranya berminat untuk menginap. Bayaran akan diterima semasa hari pertama kursus.

7.3. Makan & Minum sepanjang kursus adalah **termasuk** di dalam yuran pendaftaran.

*\*\*Kadar setakat 20 Januari 2025. Kekosongan akan dimaklumkan 1 bulan sebelum kursus di jalankan.*